

FOTO: MOHD YUSNI ARIFFIN



SAIFUDDIN Nasution (kiri) mendengar penerangan daripada Goh sambil diperhatikan Tony (kanan) selepas pelancaran restoran Santan dan T&CO di Mid Valley, semalam.

Santan dan T&CO ke peringkat global

AirAsia jangka buka lima cawangan, 100 restoran dan kafe

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
 kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

AirAsia merancang meluaskan lagi rangkaian restoran Santan dan T&CO ke pasaran global bermula dengan Malaysia dan negara ASEAN.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, pihaknya menjangkakan untuk membuka lebih lima cawangan dan 100 restoran serta kafe yang dikendalikan francais dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Katanya, selain itu Santan dan T&CO juga bakal me-

masuki pasaran berpotensi lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat (AS), Australia serta China.

"Makanan adalah elemen penting dalam kehidupan rakyat Malaysia dan ia jelas dapat dilihat dengan kejayaan AirAsia sebagai syarikat penerbangan pertama menjual makanan sendiri.

"Kami mahu menjadikan menu makanan ini dijual pada harga berpatutan dan bekerjasama secara langsung dengan pembekal bagi mendapatkan kos lebih murah," katanya selepas pelancaran restoran Santan dan

T&CO di sini, semalam.

Santan dan T&CO kini melancarkan restoran makanan segera ASEAN pertama di Kuala Lumpur yang menawarkan pelbagai hidangan serta minuman dari ASEAN pada harga berpatutan.

Pelancaran itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Hadir sama, Presiden Kumpulan AirAsia (*RedBeat Ventures*), Aireen Omar dan Pengurus Besar Restoran Santan dan Kafe T&CO, Catherine Goh.

Sementara itu, Tony berkata, *RedBeat Ventures* (perniagaan digital bukan perniagaan) kini melalui fasa pengembangan dan pihaknya perlu agresif meneroka seluruh dunia seperti di London serta New York.

"Kami menerima banyak pertanyaan mengenai franchises, justeru kami merancang membuka franchises Santan dan T&CO di China tidak lama lagi.

"Selain itu, kami juga merancang menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan popular seperti GrabFood dan FoodPanda bagi memudahkan orang ramai yang ingin mendapatkan menu Santan dan T&CO ini," katanya.

Rancang buka
français Santan
dan T&CO di China